

Anwar jangka ramai lagi pemimpin BERSIH ditangkap
Malaysiakini.com
June 28, 2011

Ketua Umum PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim menjangkakan lebih ramai pemimpin BERSIH 2.0 akan ditangkap sebelum perhimpunan itu pada 9 Julai ini.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan kerajaan menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negara (ISA) atau undang-undang lain bagi menahan pemimpin BERSIH bagi melindungi kedudukan dan kepentingan Umno-BN.

"Pemimpin yang korup dan zalim ini akan menggunakan apa sahaja alasan bagi mengekalkan pegangan mereka kepada kuasa," katanya kepada wartawan selepas merakamkan kenyataan kepada polis berhubung perhimpunan itu.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/168276>